



سكوله منغه اكلام فكن كورون
SEKOLAH MENENGAH AGAMA PEKAN GURUN
08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN



No: Tel : 04-4686941 No: Fax : 04-4682967
 E-mail: KFT3003@moe.edu.my
 Website: [http:// smapekangurun.edu.my](http://smapekangurun.edu.my)

Rujuk : SMAPG 600-5/1 (11)
 Tarikh : **21** OKTOBER 2021

Waris Pelajar Tingkatan 1 hingga 5 dan STAM,
 SMAP Gurun

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN TARIKH DAN TEMPAT VAKSIN DOS KEDUA PELAJAR SMA PEKAN GURUN DAN PENGAMBILAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) BILANGAN 6/2021

Surat KPM.100-1/3/1 Jil.(01) bertarikh 15 Jun 2021 adalah dirujuk.

- Sukacita dimaklumkan bahawa PdPR berasaskan modul dan bimbingan guru menerusi aplikasi telegram, wassap dan juga google meet didapati lebih berfokus dan terancang semasa pelaksanaan PdPR yang lalu.
- Sehubungan dengan itu, pihak sekolah mengambil inisiatif untuk menyediakan modul PdPR Bil. 6/2021 untuk pembelajaran pelajar. Tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil modul di sekolah pada hari Ahad, 24 Oktober 2021 secara pandu lalu. Tuan/puan perlu memandu masuk melalui pintu utama sekolah dan mengambil modul di koridor dan keluar melalui pintu asrama puteri. Tuan/puan boleh mengambil modul sebelum atau selepas anak tuan/puan menerima vaksin.
- Sukacita dimaklumkan juga tarikh dan tempat vaksin dos kedua pelajar-pelajar sekolah ini telah ditetapkan seperti berikut.

Tarikh dan hari	Lokasi/Tempat	Masa
24 OKTOBER 2021 (AHAD)	Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Gurun. (SMK Gurun)	Sila patuhi masa yang telah ditetapkan dalam Mysejahtera

- Sehubungan dengan itu, pihak sekolah memohon kerjasama tuan/puan untuk hadir ke sekolah mengambil modul berkenaan dan membawa anak tuan/puan untuk menerima vaksin dos kedua pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Pelajar-pelajar yang telah lengkap vaksin hanya perlu hadir untuk mengambil modul sahaja. Tarikh untuk hadir ke sekolah secara bersemuka akan dimaklumkan oleh pihak sekolah.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHAMMAD NOR AZAM BIN AHMAD)
Pengetua
SMAP Gurun